

TEKS UCAPAN

**YAB MENTERI BESAR NEGERI SEMBILAN
DATO' SERI UTAMA HAJI AMINUDDIN BIN HARUN**

SEMPENA

**MAJLIS PENYERAHAN ZAKAT
PERNIAGAAN PERBADANAN ASET
KERETAPI KEPADA MAJLIS AGAMA
ISLAM NEGERI SEMBILAN**

**TARIKH : 17 MAC 2025 (ISNIN)
MASA : 5:30 PETANG
TEMPAT : DEWAN CORAL HEIGHT**

**Assalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh.
Salam Bersih, Muafakat, Sejahtera.
Salam Perpaduan.
Salam Malaysia Madani.
Jiwa Merdeka.**

**Terima kasih saya ucapkan kepada
pengerusi majlis,**

[RUJUK SALUTASI]

1. Syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan keizinan-Nya, dapat kita sama-sama hadir dalam **Majlis Penyerahan Zakat Perniagaan Perbadanan Aset Keretapi Kepada Majlis Agama Islam Negeri**

Sembilan. Hari ini, kita akan menyaksikan penyerahan zakat perniagaan sebanyak RM300,000 dari Perbadanan Aset Keretapi (RAC) bagi tahun kewangan 2024 akan diserahkan kepada Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS). Ini adalah usaha murni agensi Kerajaan di bawah Kementerian Pengangkutan (MOT) dalam membantu golongan yang memerlukan dengan menunaikan kewajipan berzakat.

Para hadirin sekalian,

2. Saya difahamkan bahawa RAC juga memilih beberapa negeri lain untuk

penyaluran zakat. Ini adalah satu usaha yang perlu dipuji kerana dalam usaha RAC menjaga keuntungan syarikat, tidak sesekali melupakan tanggungjawab dan amanah melalui berzakat. Kita semua maklum bahawa sistem zakat yang menjadi kewajipan bagi seorang muslim yang layak adalah bertujuan untuk berkongsi kelebihan harta pendapatan atau perniagaan bersama asnaf-asnaf yang layak sebagai penerima.

3. Penyerahan zakat ini juga merupakan manifestasi komitmen RAC dalam melaksanakan aktiviti CSR sekaligus diharap

dapat memberikan dampak yang positif kepada peningkatan ekonomi seperti bantuan membina sekolah, sumbangan kepada pelajar-pelajar di negeri ini melanjutkan pengajian di peringkat tertinggi dan dengan cara ini dapat memupuk rasa keperihatinan terhadap orang lain yang kurang bernasib baik. Suka saya kongsi satu ayat Al-Quran yang menyebut tentang kelebihan berzakat sebagai renungan kita bersama. Dalam Surah At-Taubah ayat 103 yang bermaksud:

“Ambillah zakat dari sebahagian harta mereka, dengan zakat itu kamu

membersihkan dan mensucikan mereka dan berdoa untuk mereka. Sesungguhnya doa kamu itu (menjadi) ketenteraman jiwa bagi mereka. Dan Allah Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui."

Hadirin-hadirat sekalian,

4. Di kesempatan ini, saya ingin menyeru seluruh umat Islam atau pengusaha-pengusaha muslim di Negeri Sembilan untuk terus menunaikan tanggungjawab berzakat melalui Majlis Agama Islam Negeri Sembilan. Melalui MAINS, kita dapat melihat penyaluran zakat dapat disampaikan secara lebih

berkesan kepada asnaf-asnaf yang berkelayakan.

5. Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Perbadanan Aset Keretapi atas usaha murni ini dan memilih Negeri Sembilan bagi menyalurkan zakat perniagaan bagi tahun ini. Saya mendoakan agar Perbadanan Aset Keretapi terus maju dan berjaya pada masa akan datang. Semoga usaha ini akan memberikan keberkatan dalam setiap amalan kebajikan yang telah kita lakukan.

Sekian, terima kasih

Wabillahi Taufiq wa al-hidayah

Assalamualaikum Warahmatullahi

Wabarakatuh